

PENGURUSAN HARTA; TEORI SYEIKH IZZUDDIN BIN ABDUSSALAM DAN PERBANDINGAN REALITINYA DI MALAYSIA

Dr. Mohd Mustaffa bin Jusoh @ Yusoff
Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: musjusoh@kuis.edu.my

Dr. Mohd Musa bin Sarip
Jabatan Syariah dan Undang-undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: mmusa@kuis.edu.my

Abstrak

Kajian ini memfokuskan kepada aspek pengurusan harta dan teori yang dikemukakan oleh Syeikh Izzuddin bin Abdussalam kerana harta dan kehidupan saling berjalan seiringan dan sistem pengurusan keduanya yang penting untuk mendapatkan keredhaan Allah dalam penerusan kehidupan generasi manusia di dunia dan seterusnya di akhirat. Kajian ini cuba untuk melihat realiti ini dari sudut perbahasan Maqasid Syariah di samping mengkaji dan meneliti kesinambungannya dengan teori yang pernah dikemukakan oleh tokoh ilmuan Islam silam, juga untuk mengenangkan aplikasi maqasid yang dilihat mula berkembang di Malaysia. Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan dan berkisar kepada penelitian teori yang dikemukakan menerusi rujukan kitab-kitab usul fiqh dan maqasid syariah samada yang berbentuk karya penulisan lama dan kajian berkenaan yang terkemudian di samping mengukur realitinya menerusi perbandingan pengurusan harta di Malaysia dan melihat aspek peruntukan perlumbagaan yang merupakan tunjang pensyariatan perundangan di Malaysia. Walaupun tumpuan kajian adalah teori dan perbandingan dalam pengurusan harta dari sudut implementasi maqasid tetapi dapatan kajian ini juga telah dapat mencerminkan realiti sebenar Malaysia sebagai sebuah negara majoriti umat Islam dari sudut peruntukan perundangan dan kemasyarakatan, di samping mengukur implementasi maslahah dan asas maqasid syariah yang ada padanya.

1. Pendahuluan

Harta dan kehidupan perlu berjalan seiringan dalam kehidupan duniawi, bagi mendapat redha dan rahmat Allah s.w.t.

Memang menjadi fitrah setiap manusia punya sifat untuk mencari dan memiliki harta kekayaan, sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Kahfi ayat 46:

﴿ أَمْلَأْ وَالْبُنُونَ زِينَةً لِّلْدُنْيَا ﴾

maksudnya: (*harta da anak-anak itu adalah perhiasan dunia*).

Harta boleh menjadi ujian dalam mendorong seorang manusia untuk lebih bertaqwah dan ianya boleh juga menjauhkan pemiliknya dari rahmat Allah Maha Penciptanya, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Nya surah Al-Anfal ayat 28:

﴿ وَاعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ﴾

maksudnya: (*Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah ujian dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar*)

2. Latarbelakang masalah

Harta merupakan antara elemen yang diperlukan dalam kehidupan di dunia ini. Islam memberikan perhatian khusus berkenaan harta dan pengurusannya demi memastikan kepentingan maslahah dan manfaatnya tercapai dalam kehidupan manusia di dunia dan seterusnya memberikan impak yang berterusan di akhirat kelak.

Justeru, penekanan diberi tentang proses transaksi yang melibatkankan harta dan pengurusannya, seperti memastikan sumber dan punca pendapatan perlu memenuhi syarat khusus bagi memastikannya halal dan bersih, antaranya seperti firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 275:

﴿ وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا ۚ ﴾

maksudnya: (*dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba*),

dan dalam surah An-Nisaa' ayat 29:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءامُوا لَا تَأْكُلُوْا مَوْلَكُمْ بَيْتَكُمْ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرِيًّا عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ۚ ﴾

maksudnya (*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara redha meredhai di antara kamu*),

dan surah Aali 'Imran ayat 129:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءامُوا لَا تَأْكُلُوْا الرِّبَا أَضْعَفًا مُضْعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ۚ ﴾

maksudnya: (*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu mendapat kejayaan*)

Jalinan yang erat antara perjalanan harta dan kehidupan, meletakkan ianyanya antara fokus utama yang perlu diambil berat dalam asas Maqasid Syariah. Para sarjana Islam menekankan kepentingan dalam penjagaan harta sebagai salah satu dari lima asas yang pelu dijaga yang dinamakan *alkulliyat alkhomsah* (الكليات الخمسة).

Konsep pengurusan yang benar-benar menepati syara' amat diperlukan untuk menjamin dan memastikan harta beredar dan bergerak cergas di dalam berbagai-bagai sektor kehidupan sehingga memungkinkan pengembangan harta dan penggunaannya secara meluas dan menyeluruh berlandaskan garis panduan yang menepati *Maqasid Syariah Islamiyah*.

3. Metodologi Kajian

Kajian adalah beberbentuk kajian perpustakaan, dengan memfokuskan kepada teori pengurusan yang bersandarkan kepada asas *Maqasid Syariah* yang dikemukakan oleh Fadilatus Syeikh Izzuddin bin Abdussalaam, seorang sarjana terkemuka Islam bermazhab Syafie yang hidup sekitar kurun ke enam hijriah.

Teori pengurusan ini telah dikemukakan dalam karya beliau *Qawa'id Al-Ahkam Fi Masolihil Anaam* (قواعد الأحكام في مصالح الأئم) yang juga dikenali dengan nama *Al-Qawa'id Al-Kubro*.

Dalam masa yang sama juga, perbandingan dibuat dengan beberapa peruntukan perlumbagn dan undang-undang yang berkaitan untuk melihat justifikasi dan keselarisan yang ada antara teori dan reality semasa berkenaan pengurusan harta umat Islam di Malaysia.

4. Skop Kajian

Kajian ini secara umumnya meliputi dua skop yang utama iaitu:

1. Skop teorikal yang membicarakan tentang konsep maqasid yang diutarakan melaui teori yang dikemukakan oleh Fadilatus Syeikh Izzudin bin Abdussalam.
2. Skop implementikal yang cuba untuk melihat dan membandingkan keselarasan justifikasi teori yang dikemukakan dengan aplikasi perundangan yang menjadi reality di Malaysia.

5. Biodata Ringkas Syeikh Izzuddin bin Abdusslam dan Kitabnya¹

Nama sebenar beliau adalah Abu Muhammad Abdul Aziz bin Abdussalam bin Abi Qasim As-Sulma Ad-Dimasyqy.

Beliau terkenal dengan beberapa gelaran, antaranya Izzuddin yang membawa maksud kemulian agama, gelaran yang diberikan oleh salah seorang muridnya iaitu Ibn Daqiq Al-Eid. Dilahirkan pada tahun 577 hijriah di kota Damsyik yang pada hari ini dikenali sebagai Damascus, ibu negara Republik Arab Syria. Ada riwayat lain yang mengatakan bahawa tahun kelahiran beliau adalah pada 578 hijriah.

Syeikh Izzuddin lahir dalam keluarga yang miskin tetapi mementingkan pendidikan agama dan membesar serta menghabiskan sebahagian usianya belajar dan berkhidmat kepada umat Islam di pusat-pusat tumpuan pengajian di sekitar Damsyik sebelum berhijrah ke Kaherah pada tahun 639 hijriah, setelah berlaku perselisihan pendapat dengan pemerintah Damsyik ketika itu, iaitu Sultan As-Solih Ismail Abi Al-Khoisy.

Dalam bidang ilmu, Syeikh Izzuddin sebagai ulama' yang bermazhab Syafiey telah menghasilkan banyak karya dalam pelbagai disiplin ilmu, seperti *I'jaazul Quran* dalam bidang tafsir, *Al-Fatawa Al-Misriyyah* yang merupakan himpunan pendapat dan fatwa beliau, *Al-Isyarah Ilal Iijaz Fi Ba'dh Anwa' Al-I'jaaz* dalam bidang balaghah, Begitu juga kitab *Qawa'id Al-Ahkam Fi Masolih Al-Anaam* yang dianggap antara kitab penting yang membicarakan tentang ilmu kaedah fiqh dan dianggap sebagai karya *Maqasid* yang terawal dalam mazhab Syafiey.

Kitab ini mendapat pujian dari para cendekiawan Islam, seperti Imam As-Suyuty menyatakan di dalam kitabnya *Al-Asybah wan Nazoir* telah memuji kitab ini dan kitab *Al-Qawa'id* oleh Imam Az-Zarkasy sebagai perintis kepada perbincangan disiplin ilmu *Qawa'id fiqhiiyyah* dan *Maqasid Syariah*. Begitu juga Ibn As-Subki di dalam *Thobaqot As-Syafieyyah Al-Kubro*

¹ Lihat **Jalaluddin As-Suyuthi**(2008) *Al-Asybah Wan Nazoir* ms 5, **Ibn As-Subki** (2005) *Thobaqot As-Syafieyyah Al-Kubro* ms 8/247, **Haji Khalifah** (1998) *Kasyf Az-Zunuun* ms 2/243 dan 549.

menyatakan tentang kepentingan karya Syeikh Izzuddin ini yang juga dikenali sebagai *Al-Qawa'id Al-Kubro* dan karya beliau *I'jaaz Al-Quran* yang menyerlahkan kehebatan dan karisma beliau dalam kalangan dunia ilmuan Islam.

Di dalam kitab *Kasyf Az-Zunun* telah dinukilkhan kata-kata seorang ulamak bernama Syeikh Abdur Rahman al-Jurjani As-Syafiey yang menyebut di dalam karya beliau *Minhaaj Ad-Deen* bahawa karya *Syeikh Izzuddin bin Abdussalam* ini begitu hebat dan tiada yang setanding dengannya.

Syeikh Izzuddin bin Abdussalam meninggal dunia di Kaherah pada tahun 660 hijriah semasa berusia 83 tahun².


6. Pemilikan Harta Dalam Islam

Pengertian harta dalam bahasa Arab yang berasal dari perkataan **المال** yang bermaksud kecenderungan seorang lelaki kepada sesuatu. Ibn Athir menyatakan bahawa harta itu asalnya adalah pemilikan ke atas emas dan perak, kemudian perkataan itu merujuk kepada setiap barang dalam bentuk fizikal yang diperlukan dan dimiliki³.

Para ilmuan dalam Islam mendefinisikan harta secara umumnya adalah;
Setiap yang dimiliki oleh manusia dan yang diperolehinya dari sumber barang yang punya nilai, seperti emas, perak, barang kemas perhiasan, haiwan ternakan seperti unta, lembu dan kambing dan hartanah seperti tanah, kediaman, ladang, sewa, pawah, dan barang fizikal yang dimiliki seperti senjata, pakaian, pinggan mangkuk dan seumpamanya, maka setiap yang telah atau akan dimiliki dan memberi manfaat dalam kehidupan dinamakan harta.
Justeru, antara ciri-ciri yang digariskan perlu ada pada harta adalah:

1. Mestilah berbentuk fizikal atau manfaat.
2. Mestilah sesuai untuk dijualbeli dan mempunyai kadar nilaian.
3. Mestilah sesuatu yang sesuai untuk dimiliki.
4. Mestilah sesuatu yang boleh memberi manfaat kepada manusia, dan dimanfaatkan segera atau kemudiannya.
5. Mestilah sesuatu yang boleh diterima kadar dan nilainya pada pandangan dan akal manusia.

Ternyata harta punya ikatan yang erat dalam kehidupan kemanusiaan, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah dalam surah A-l'AAdiyat ayat 8:



maksudnya: (*dan sesungguhnya dia bersanggatan dalam mencintainya*)

Imam Ibn Kathir menerangkan bahawa ayat ini menyatakan maksud (حُبُّ الْخَيْرِ) itu adalah cinta kepada harta (حُبُّ الْمَالِ) iaitu suka kepada memiliki harta ataupun sikap bakhil kedekut dengan harta yang dimilikinya⁴.

² Ibid

³ Lihat perbahasananya dalam Ibn Manzur (2009) Lisan Al-'Arab,3/550 dan 11/630, bab (مول).

⁴ Lihat Ibn Kathir, *Tafsir Ibn Kathir* ms; 8/867

Islam meletakkan bahawa pemilik sebenar segala harta yang hakikinya adalah Allah s.w.t. Tuhan Maha Pencipta, dan Allah memberikan kepada manusia hak pemilikan sementara (حقوق الإستخلاف) iaitu kebenaran untuk menguruskan dan membelanjakannya selagimana perkara itu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dan tidak melampaui batasan syariat hingga menimbulkan kesan yang negatif dan merosakkan nilai dan sistem kehidupan.

Batasan inilah yang dinamakan sebagai halal dan haram, antaranya sebagaimana firman Nya dalam surah Al-Hadid ayat 7:

﴿ وَأَنْفَقُوا مِمَّا جَعَلَكُمْ مُسْتَحْلِفِينَ فِيهِ قَالَذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَأَنْفَقُوا لَهُمْ أَجْرٌ كَبِيرٌ ﴾

maksudnya: (*dan infaqkanlah dari apa yang kami telah jadikan pemilikannya kepada kamu, dan bagi orang-orang yang beriman dan berinfaq itu ganjaran yang besar*), sebagaimana di dalam ayat yang lain pula Allah menyatakan batasan dalam membelanjakan harta yang dimiliki Nya itu seperti dalam surah An-Nisaa' ayat 29:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بِالْبَطْلِ ﴾

maksudnya: (Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan dan membelanjakan harta kamu dengan jalan yang batil sesama kamu).

Dari segi konsep hak pemilikan harta pula, para sarjana Islam telah membahagikannya kepada tiga kategori iaitu:

1. Pemilikan Umum (الملكية العامة) iaitu harta yang menjadi milik umum, contohnya seperti taman permainan, jalanraya, kaki lima dan premis masyarakat seperti balairaya, masjid, rumah ibadat, tanah perkuburan dan sebagainya, kebiasaannya kebenaran dan had penggunaannya terletak kepada pengurusan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan, dalam konteks Malaysia, ada yang di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri dan ada juga yang di bawah kerajaan Persekutuan.
Pemilikan dan pengurusan inilah yang menjadi fokus kepada penulisan ini.
2. Pemilikan Persendirian (الملكية الخاصة) iaitu harta yang diperakukan miliknya orang persendirian atau kumpulan persendirian seperti syarikat, koperasi, consortium dan sebagainya, penggunaannya terletak kepada kebenaran dan kehendak pemiliknya.
3. Pemilikan Negara (الملكية الدولة), iaitu harta yang dimiliki oleh kerajaan yang berkuasa, bertujuan sebagai sumber dan dana untuk membiayai kos pentadbiran dan pengurusan, contohnya seperti cukai, perniagaan yang dimiliki kerajaan (GLC), caj pengurusan air, elektrik, bangunan, jalanraya dan sebagainya.

7. Teori Pengurusan Harta Umum Syeikh Izzuddin bin Abdussalam dan Perbandingan Realiti Malaysia

Dalam kitabnya *Qawa'id Al-Ahkam*, Syeikh Izzuddin telah menggariskan beberapa perkara asas yang perlu sebagai panduan untuk memastikan kemaslahatan dalam pengurusan dan manfaat harta umum umat Islam terjaga, antaranya adalah:

Hak pengurusan

Hak pengurusan bagi harta dan hal ehwal yang bersangkutan dengan orang Islam perlulah kembali kepada satu pihak yang dipanggil **Imamah** (الإمامية), iaitu satu posisi yang mewakili ketua atau pemerintah sebagaimana berikut: (لا يتصرّف في أموال المصالح العامة إلا الأئمة ونوابهم), iaitu (*tidak berhak menguruskan harta yang melibatkan maslahah umum melainkan para Imam dan wakil mereka.*)⁵

Syeikh Izzuddin menyebut bahawa, seorang Imam perlulah ditaati dan mampu memikul tanggung jawab dalam mengurus dan menjaga kemaslahatan rakyatnya. Antaranya adalah memastikan keadilan dan keamanan kehidupan dan harta.

Beliau juga menggariskan bahawa peranan seorang ketua dalam menguruskan harta dan hal ehwal umat Islam adalah seperti peranan yang dimainkan oleh seorang wali yang menjaga urusan anak yatim, kerana amanah merupakan syarat utama dalam menjaga urusan anak yatim yang bersifat khusus, adalah lebih penting lagi dalam menjaga urusan umat Islam yang bersifat umum⁶.

Beliau juga menyatakan bahawa institusi *Imamah* itu perlu matang dan berfikiran jauh, kerana sebarang tindakan dan keputusan yang diambil akan memberi kesan kepada rakyat bawahan, dengan meletakkan kaedah fiqhiyyah: (تصرف الامام على الرعية منوط بالصلحة) iaitu “*tindakan pemerintah ke atas rakyat menjurus kepada kemaslahatan ummah*”, oleh itu mereka bertanggung jawab dalam memastikan kepentingan dan maslahah umum rakyat terpelihara.

Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat, selepas mendapat kemerdekaan mutlak dari penjajah British sejak tahun 1957, sistem pemerintahan secara keseluruhannya terbahagi kepada:

1. Kerajaan Persekutuan yang diketuai oleh seorang Perdana Menteri dan dibantu oleh beberapa orang menteri kabinet.

Perdana Menteri dilantik atas permuafakatan selepas sesebuah parti politik atau gabungannya memenangi pilihanraya yang berlangsung tidak lebih dari 5 tahun. Perlantikan beliau dan para menteri kabinet adalah dengan restu dari Yang Di Pertuan Agong⁷.

Yang Di Pertuan Agong pula adalah Raja berperlembagaan yang merupakan simbol ketuanan dan pemerintahan di Malaysia yang dipilih secara undian di kalangan ahli Majlis Di Raja, yang di anggotai oleh raja-raja Melayu dari negeri-negeri di bawah Malaysia.

Perkara ini telah disebut dengan jelas di dalam peruntukan perlembagaan Malaysia⁸.

2. Kerajaan Negeri pula adalah di bawah pentadbiran yang diketuai oleh seorang ketua yang dipanggil Ketua Menteri⁹ atau Menteri Besar. Beliau dipilih dari parti politik atau gabungannya yang memenangi pilihanraya peringkat negeri masing-masing, dan

⁵ Lihat Qawa'id Al-Ahkam, ms: 1/123.

⁶ Ibid ms: 2/122.

⁷ Lihat FASAL 8 PERKARA 66 (PINDAAN 1994, DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN).

⁸ Lihat PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAB 2 PERKARA 38 Majlis Raja-Raja

⁹ seperti negeri yang tidak mempunyai system beraja Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak.

kemudiannya akan dibantu oleh beberapa orang exco yang dilantik dengan restu dan persetujuan dari sultan atau raja negeri berkenaan.

Bagi negeri yang tiada sistem beraja, Yang DiPertuan Negeri, yang dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong akan mengambil alih tugas sultan atau raja.

Pembahagian dan bidangkuasa peringkat negeri dan persekutuan ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam perlumbagaan persekutuan¹⁰.

Dalam perkara yang melibatkan urusan dan hal ehwal umat Islam pula, peruntukan perlumbagaan telah meletakkannya dibawah kuasa Yang di Pertuan Agong di peringkat kerajaan persekutuan, dan sultan atau raja di peringkat negeri¹¹, kecuali yang melibatkan pengurusan pesaka, kerana ianya di bawah kuasa kerajaan persekutuan¹², manakala pengurusan tanah pula adalah terletak di dalam bidangkuasa kerajaan negeri di bawah kuasa menteri besar atau ketua menteri dan exconya¹³.

Yang di Pertuan Agong di peringkat persekutuan dan Sultan atau raja di peringkat negeri pula memberi watikah kepada majlis agama negeri masing-masing untuk menjalankan urusan pentadbiran berkenaan hal ehwal umat Islam di negeri berkenaan bagi pihak mereka¹⁴.

Darurat

Dalam situasi apabila pemimpin atau Imamah yang telah diamanahkan untuk mentadbir urusan umat Islam itu hilang kemampuannya untuk menegakkan keadilan dan menjaga kemaslahatan rakyat, samada disebabkan faktor huru-hara, darurat, berlaku kezaliman, peperangan, rampasan kuasa dan sebagainya, Syeikh Izzuddin melihat perlu dilantik satu pihak yang bersifat sementara untuk mengambil alih dan memegang hak pengurusan dan pentadbiran secara umumnya, dengan limitasi yang tertentu, sehingga datang satu pihak yang akan mengambil alih urusan pentabiran yang diperakukan oleh umat Islam¹⁵.

Begitu jugalah jika berlaku perebutan atau perbalahan hingga menyebabkan hilangnya kuasa seorang pemerintah Islam untuk memegang amanah pengurusan hal ehwal umat Islm di tempat tersebut, perlu dilantik seorang individu atau kumpulan yang dipertanggungjawabkan untuk mewakili urusan kehidupan umat Islam, di mana masyarakat perlu merujuk kepada mereka dalam perkara-perkara yang berkaitan hal ehwal agama dan kemasyarakatan¹⁶.

Bagaimanapun, jika pihak yang memegang posisi *Imamah* itu dirasakan masih mampu untuk menjaga kemaslahatan umat Islam, walaupun dalam situasi yang tidak sepenuhnya, seperti ada unsur-unsur kezaliman dan penyelewengan dalam urusan pentadbiran, namun suara kebenaran masih ada ruang untuk disampaikan dan aduan masih boleh diberikan oleh rakyat

¹⁰ Lihat PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAHAGIAN 6; PERHUBUNGAN ANTARA PERSEKUTUAN DENGAN NEGERI-NEGERI BAB 1 PEMBAHAGIAN KUASA PERUNDANGAN PERKARA 74 BERSAMA 77 DAN PERKARA 79 BERSAMA 75 DIBACA DENGAN JADUAL KESEMBILAN.

¹¹ Lihat PERKARA 3 (1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

¹² Lihat AKTA HARTA PUSAKA KECIL 98(PEMBAHAGIAN) 1955 SEKSYEN 12(7).

¹³ Lihat PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAHAGIAN 6; (s. 9 Kanun Tanah Negara 1965),

¹⁴ Lihat SENARAI(ii)JADUAL 9 DALAM PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, dan rujuk juga ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG NEGERI, seperti ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM 1989 (NEGERI SELANGOR, ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHVAL ISLAM PULAU PINANG 1993, PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993.

¹⁵ Lihat *Qawa'id Al-Ahkam*, ms: 1/128.

¹⁶ Ibid 1/129.

kepada pihak yang berkenaan melaui saluran yang sepatutnya, masih ada harapan untuk merubah keadaan kepada yang lebih baik, maka umat Islam tidak perlu mengambil langkah drastik dengan menolak terus hak pengurusan dari tangan mereka dengan melantik pihak ketiga untuk mengambil alih sementara¹⁷.

Di Malaysia, jika didapati sedang berlaku keadaan yang boleh memberi kesan kepada kestabilan rakyat dan negara, seperti huru-hara, hilang kawalan ke atas keamanan kehidupan masyarakat secara menyeluruh, cubaan rampasan kuasa pemerintahan dan seumpamanya, satu langkah kontigensi akan diambil dengan arahan dari Yang Di Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri dan Kabinetnya dengan mengeluarkan perisytiharan darurat secara rasmi dan menggantung bidangkuasa kerajaan sedia ada.

Satu Jawatankuasa Bertindak akan dibentuk dengan restu Yang Di Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja yang dikenali sebagai MAGERAN iaitu singkatan bagi Majlis Gerakan Negara¹⁸. Majlis ini akan mengambil alih sementara kuasa pentadbiran di peringkat persekutuan dan seterusnya membentuk majlis tindakan di setiap negeri yang akan mengambil alih pula kuasa pentadbiran di negeri-negeri yang terbabit.

Tugas utama MAGERAN dan majlis tindakan di peringkat negeri adalah untuk menguatkuasakan unang-undang darurat dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengembalikan semula keamanan dan kestabilan keselamatan dalam negara. Selepas misi mereka tercapai, dan pilihanraya telah dijalankan untuk memilih tumpuk kepimpinan yang baru, MAGERAN akan menyerahkan semula kuasa tersebut kepada Yang Di Pertuan Agong untuk meneruskan langkah seterusnya.

Pesaka, Wasiat, Wakaf dan Baitul Mal

A. Pesaka dan Wasiat

Syiekh Izzuddin menegaskan bahawa institusi *Imamah* bertanggung jawab sepenuhnya dalam pengurusan harta umum umat Islam seperti wakaf, wasiat dan pesaka. Ini bertujuan untuk memastikan maslahah dan manfaat harta tersebut dari unsur penindasan, penipuan dan pemalsuan. Seorang ketua berhak untuk melihat dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam memastikan pelaksanaan pengurusan yang berkaitan, seperti menetapkan prosedur, menyelaraskan rekod dan maklumat yang diperlukan, bahkan punya bidang kuasa untuk merampas sesuatu harta jika didapati terdapat salah laku dan penyelewengan semasa proses transaksi pemilikan berlaku¹⁹.

Di Malaysia, walaupun pengurusan hal ehwal berkaitan orang Islam adalah di bawah bidangkuasa sultan atau raja di negeri masing-masing berdasarkan Jadual ke 9 senarai (ii) Perlembagaan Persekutuan, tetapi pengurusan berkaitan harta pesaka dan wasiat adalah tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan, berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada dalam Perkara 73 dan 77 Jadual ke 9 senarai (i). Satu akta khas telah diwujudkan bagi memastikan pengurusan dan pentadbiran yang berkenaan dengannya berjalan dengan baik²⁰.

¹⁷ Ibid 1/120.

¹⁸ Lihat PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAHAGIAN 12; AM DAN PELBAGAI, PERKARA 159A- Perjalanan kuat kuasa peruntukan peralihan dalam Akta Malaysia

¹⁹ Lihat *Qawa'id Al-Ahkan*, ms 2/123.

²⁰ AKTA HARTA PUSAKA KECIL 98/PEMBAHAGIAN, 1955 SEKSYEN 12(7).

Antara agensi yang bertanggungjawab berkaitan dengan pengurusan pesaka danwasiat di Malaysia adalah:

1. Amanah Raya Berhad, yang menguruskan pembahagian pesaka berbentuk harta alih yang mempunyai nilai kurang dari RM 600 ribu²¹.
2. Unit Pesaka di Pejabat Tanah Daerah, yang mempunyai bidangkuasa untuk menguruskan pembahagian harta pesaka tidak alih yang bernilai tidak lebih dari rm 600 ribu²².
3. Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa untuk menguruskan pembahagian harta pesaka yang melebihi nilai rm 600 ribu²³.

B. Harta Wakaf dan Baitulmal

Manakala harta orang Islam yang diwakafkan dan sumber baitulmal pula terletak di bawah bidangkuasa sultan atau raja dan pengurusannya adalah diperingkat negeri masing-masing. Setiap negeri mempunyai majlis agamanya yang menjalankan urusan pentadbiran berkaitan umat Islam samada kemasyarakatan seperti perkahwinan dan kekeluargaan berdasarkan peruntukan PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAHAGIAN 6; PERHUBUNGAN ANTARA PERSEKUTUAN DENGAN NEGERI-NEGERI²⁴.

Bagi pengurusan harta wakaf dan baitulmal pula, majlis agama negeri tertakluk kepada enakmen negeri masing-masing, dengan watikah rasmi dari baginda sultan atau raja bagi negeri masing-masing²⁵.

Di Selangor sebagai contoh, majlis agama Islam negeri yang dinamakan Majlis Agama Islam Selangor atau lebih dikenali sebagai MAIS memegang amanah dari Baginda Sultan Selangor untuk menjaga hal ehwal Islam dan orang Islam di Selangor berdasarkan peruntukan undang-undang negeri iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) yang menyebut, “*Hendaklah diadakan satu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor dan disebut dalam bahasa Inggeris ‘Council of Religion and Malay Customs Selangor’*”²⁶.

Bidang kuasa MAIS adalah seperti yang dinyatakan dalam enakmen berkenaan iaitu, “*Majlis hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum Syarak dan yang berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini*”²⁷.

²¹ Lihat AKTA (532) PERBADANAN AMANAH RAYA BERHAD.

²² Lihat AKTA HARTA PUSAKA KECIL 98(PEMBAHAGIAN) 1955 SEKSYEN 12(7).

²³ Ibid.

²⁴ Lihat PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN BAHAGIAN 6, BAB 1 PEMBAHAGIAN KUASA PERUNDANGAN PERKARA 74 BERSAMA 77 DAN PERKARA 79 BERSAMA 75 DIBACA DENGAN JADUAL KESEMBILAN.

²⁵ Lihat Enakmen Negeri di Malaysia, juga PERKARA 4 (1) PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN.

²⁶ Lihat seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952) dan subseksyen 4 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

²⁷ Ibid.

Peranan MAIS dibantu oleh beberapa anak syarikatnya seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Baitul Mal Selangor, Lembaga Zakat Selangor dan Yayasan Wakaf Selangor²⁸.

8. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan kepada penulisan ini, beberapa perkara yang dilihat perlu untuk diambil perhatian adalah:

1. Terdapat persamaan yang ketara di dalam implementasi semasa aspek pengurusan umat Islam yang melibatkan hal ehwal kemasyarakatan seperti perkahwinan dan kematian, dan pengurusan harta seperti wakaf, zakat, pesaka dan sebagainya di antara teori yang dikemukakan oleh Syeikh Izzuddin Bin Abdussalam di dalam kitabnya *Qawa'id Al-Ahkam* atau dikenali juga sebagai *Al-Qawa'id Al-Kubro ini*, walaupun corak pengagihan bidangkuasa yang unik doi Malaysia, kerana sistem eksekutif kerajaan yang mempunyai dua peringkat iaitu persekutuan dan negeri.
2. Ini mungkin kerana Syariat Islam yang memang telah wujud dan berakar umbi semenjak sebelum era penjajahan di Tanah Melayu. Islam merupakan agama yang menjadi tunjang anutan dan kehidupan masyarakat melayu berkuruñ lamanya. Bahkan ada juga pendapat yang tidak popular mengatakan bahawa Islam telah bertapak di Tanah Melayu semenjak zaman para sahabat Rasulullah s.a.w., walaupun sehingga sekarang belum dibuktikan lagi.
3. Ini membuktikan bahawa unsur dan nilai syariat Islam dilihat telah memainkan peranan semasa Suruhanjaya Reid menjalankan kajian mereka untuk merangka draf awal perlembagaan persekutuan di era pasca kemerdekaan. Justeru, walaupun tidak dinyatakan secara terang, suruhanjaya ini telah meletakkan adat dan kebiasaan yang ada di kalangan masyarakat setempat sebagai asas elemen pembentukan perundungan sosio seperti perkahwinan, kematian, warisan dan sebagainya.
4. Justeru, sebagai masyarakat asal yang masih dominan dalam perjalanan negara Malaysia yang tercinta ini, perlu ada usaha yang berterusan dalam menyempurnakan semula sistem perundungan dan mengkaji langkah terbaik agar Syariat Islam mampu untuk melangkah dan mengambil alih dalam membentuk rangka utama dalam perundungan negara ini, dan bukan hanya sebagai nilai estetika semata.
5. Kajian moden dan teks warisan ulamak silam perlu disepadukan agar *Maqasid* dan *Maslahah* dalam masyarakat dapat dicapai sebagaimana yang sepatutnya bagi kehidupan umat Islam khususnya dan manusia sejagat. Institusi pengajian dan pihak yang berkenaan perlu membuka peluang dan ruang kepada kajian dan perbincangan secara ekslusif, dan memainkan peranan melalui institusi ilmu yang ada dalam masyarakat untuk mendidik masyarakat kearah kesedaraan dan kepekaan terhadap kepentingan integrasi ilmiah dan realiti aqliah yang mendarang.

²⁸ <http://www.mais.gov.my/majlis>